


AROMA ENTERPRISE
TEH BERPERISA BUAH-BUAHAN

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

17hb. Februari 1997

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azhar Idris	94509404
2.	Shahlan Ambroz Zainuddin	94554134
3.	Noor Azian Mohd Saleh	94995701
4.	Syarifah Mastura Syed Abu Bakar	94973337
5.	Zuraida Ghazali	94545040

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian..

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pentadbiran Awam (DPA 5A)
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

12 April 1997

En. Mohammad Nor B. Othman
Pensyarah Asas Keusahawanan
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tuan

**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN AROMA
ENTERPRISE**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Sehubungan dengan itu, kami menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan kami untuk makluman pihak tuan. Projek perniagaan yang kami jalankan ini merupakan kilang pemprosesan teh berperisa buah-buahan yang menyiapkan tempahan daripada pelanggan yang berurus dengan kami, AROMA ENTERPRISE iaitu anak syarikat BOH PLANTATIONS SDN.BHD.

Lokasi syarikat kami terletak di :

Lot 1348 Zarina Industrial Park
Rumbia 78000
Alor Gajah Melaka

Rancangan Perniagaan ini merangkumi pelbagai aspek perniagaan seperti pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan sebagai rangka untuk menjayakan sesuatu perniagaan.


Hasil gemblengan tenaga kami berlima maka terlaksanalah Rancangan Perniagaan ini yang turut merupakan sebahagian daripada Kertas Kerja Asas Keusahawanan (ETR 300) yang menjadi prasyarat untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.


Pihak kami merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Rancangan Perniagaan ini. Kami berharap agar Rancangan Perniagaan ini dapat digunakan sebagai rujukan untuk apa-apa tujuan yang berkaitan. Terima kasih.


Yang benar


(SHAHILAN AMBROZ B. ZAINUDDIN)
No. Matrik : 94554143


(NOOR AZIAN BT MOHD SALEH)
No. Matrik : 94995701


(SY. MASTURA BT SY. ABU BAKAR)
No. Matrik : 94973337


(AZHAR B. IDRIS)
No. Matrik : 94509404


(ZURAIWA BT GHAZALI)
No. Matrik : 94545040

PENGENALAN

Pada masa kini sambutan terhadap teh amatlah menggalakkan. Ini kerana kebanyakkan penggemar-penggemar teh hari ini mula mencari alternatif baru dalam mempelbagaikan citarasa mereka. Mereka tidak hanya tertumpu kepada citarasa teh yang konservatif. Disebabkan itu maka kami telah bersetuju untuk mengkomersilkan produk dengan mewujudkan alternatif baru dalam mempelbagaikan rasa teh. Oleh itu sudah pasti dengan lahirnya teh berperisa buah-buahan ini akan dapat memberi pilihan kepada penggemar-penggemar teh. Bukan sahaja rasanya yang lazat malah baunya yang harum sudah cukup kuat untuk menarik perhatian pelanggan untuk membelinya.

Mengenai lokasi syarikat kami bersepakat untuk memilih Zarina Industrial Park yang terletak Alor Gajah Melaka. Ini kerana kami mendapati kawasan tersebut merupakan sebuah pusat perindustrian yang bakal menjadi tumpuan. Ditambah pula dengan kelengkapan infrastruktur serta kawasan kediaman yang pesat membangun di sekeliling.

Modal permulaan yang kami keluarkan adalah sebanyak RM 50,000 bagi setiap rakan kongsi. Dan kami masih memerlukan modal tambahan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan mutu jualan kami.

Kami berharap agar perniagaan ini akan mencapai matlamat seperti yang dirancang. Dalam masa yang sama kami juga ingin memperlihatkan anak bumiputera yang berjaya dalam bidang perniagaan yang sebelum ini jauh ketinggalan ke belakang berbanding kaum-kaum yang lain. Matlamat kami adalah untuk merealisasikan serta menyambut seruan WAWASAN 2020.